



**BORANG SUMBANGAN  
DANA WAKAF ILMU  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

No. Rujukan  

--	--	--	--

Kepada :  
**SEKSYEN PENGURUSAN DANA WAKAF ILMU**  
 Pejabat Bursar  
 Universiti Putra Malaysia  
 43400 UPM Serdang  
 Selangor Darul Ehsan

Tel : 03 8946 6155 / 6156  
 Faks : 03 8947 2048  
 E-mel : wakafilmu@upm.edu.my  
 Layari : www.fund4knowledge.edu.my

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang,

**SAYA INGIN MENYUMBANG UNTUK DANA WAKAF ILMU UPM BAGI SKIM BERIKUT -**

- i.  Skim Wakaf Umum (RM \_\_\_\_\_)
- ii.  Skim Wakaf Kitab (RM \_\_\_\_\_)
- iii.  Skim Wakaf Fasiliti (RM \_\_\_\_\_)
- iv.  Skim Wakaf Kenderaan Khas (RM \_\_\_\_\_)

**SUMBANGAN WAKAF BAGI SKIM DI ATAS ADALAH MELALUI KAEDAH BERIKUT -**

- i.  Tunai (RM : \_\_\_\_\_)
- ii.  Cek (atas nama Bendahari UPM) (No. Cek : \_\_\_\_\_)
- iii.  Skim Potongan Gaji / Penambahan (Tarikh kuatkuasa : \_\_\_\_\_)
- iv.  Kliks Shoppe(MBB/CIMB /BIMB/RHD/PB/HLB) (No. transaksi : \_\_\_\_\_)
- v.  Mesin (ATM/CDM) CIMB Bank (Sila lampirkan slip transaksi.)

**NIAT BERWAKAF**

Demi kerana Allah Ta'ala, saya dengan ini menyerahkan sumbangan wakaf Dana Wakaf Ilmu UPM bagi \*diri saya / \*nama-nama berikut (jika berkaitan) -

1. \_\_\_\_\_
2. \_\_\_\_\_
3. \_\_\_\_\_

**Untuk Kegunaan Pejabat**

  
  
  
  

Cap dan Tandatangan Penerima  
 Tarikh :

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

.....  
 (Tandatangan Pewakaf)

Tarikh : .....

Nama : \_\_\_\_\_

No. K.P. : \_\_\_\_\_ No. Staf/Pelajar (Jika ada) \_\_\_\_\_

No. Tel. : \_\_\_\_\_ E-Mel (Jika ada) : \_\_\_\_\_

Alamat : \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

No. Kelulusan MAIS : (4) dim MAIS/E/MAL/01/002/04 bertarikh 16 Ogos 2011

Sumbangan ini juga boleh disalurkan terus ke dalam akaun "Kira-kira Am UPM" CIMB Bank No. Akaun : 1215-000-500-4050

Kemaskini : 1 Mac 2015



**PEJABAT BURSAR UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

# DANA WAKAF ILMU UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA



Firman Allah S.W.T yang mafhumnya:

"Perbandingan untuk mereka yang menyumbangkan harta di jalan Allah adalah laksana benih yang mampu menumbuhkan tujuh tangkai, manakala di setiap tangkainya pula mampu menghasilkan tambahan seratus benih baru. Allah pasti Melipatgandakan (ganjaran-Nya), kepada sesiapa yang Dia Inginkan. Dan Allah Maha Luas Kurniaan-Nya), lagi Maha Mengetahui". (Surah Al-Baqarah: 261)

**Berwakaflah** kerana ia adalah  
**Amal Jariah** yang akan terus  
**"Hidup"** meskipun selepas kita **"Mati"**

Sabda Rasulullah S.A.W yang bermaksud:

"Di saat kematian seseorang anak Adam, maka akan terputuslah segala amalannya, melainkan hanya tiga perkara, iaitu SEDEKAH JARIAH, ilmu yang bermanfaat dan anak yang soleh yang mendoakannya." (Riwayat Muslim No.4310)

**PRODUK KEBAJIKAN KEKAL YANG INOVATIF DENGAN POTONGAN CUKAI**



## "Wakaf Kita, Masa Depan Bersama"

### PENGERTIAN WAKAF

Wakaf turut dikenali sebagai sedekah jariah iaitu suatu ibadah yang berbentuk penyerahan harta yang dimiliki dengan niat mendekatkan diri kepada Allah S.W.T. bagi tujuan kemaslahatan umat. Ibadah wakaf merupakan amalan jariah berbentuk kekal yang dianugerahkan ganjaran pahala berterusan kepada para pewakaf sehingga hari kiamat.

### DANA WAKAF ILMU UPM

Dana Wakaf Ilmu UPM merupakan satu kemudahan untuk berbakti kepada UPM menerusi amalan berwakaf, sama ada wang tunai atau harta (alih/tidak alih) di bawah pengurusan Jawatankuasa Pemegang Amanah Dana Wakaf Ilmu yang dipengerusikan oleh Naib Canselor UPM sebagai *al-Mutawalli* (Pentadbir Wakaf) demi kepentingan dan kemajuan aktiviti keilmuan.

### MATLAMAT

- Menjadi penggerak dan penganjur utama kepada amalan sedekah jariah dan pengimarahannya melalui sumbangan wakaf dan infak.
  - Menyuburkan peluang kepada semua lapisan masyarakat untuk melaksanakan aktiviti kebajikan dan amal jariah.
- Memainkan peranan sebagai pemudahcara dan pengurus amalan kebajikan serta dakwah.

### MANFAAT DANA WAKAF ILMU DI UPM

Setiap dana infak dan wakaf ilmu di UPM, sama ada wakaf am atau wakaf khas, akan dimanfaatkan sepenuhnya melalui penyediaan fasiliti dan prasarana bagi aktiviti keilmuan, merangkumi program pengajaran dan pembelajaran, aktiviti dakwah dan pengimarahannya, penyelidikan dan inovasi serta khidmat komuniti yang menjadi aktiviti teras universiti

### PENGECUALIAN CUKAI PENDAPATAN

Setiap pewakaf berhak menerima pengecualian cukai pendapatan di bawah Seksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967 (No. Rujukan : LHDN.01/35/42/51 /179-6,1888)

### CARA UNTUK MENYERTAI SKIM DANA WAKAF ILMU UPM

Penyertaan adalah terbuka kepada semua, melalui kaedah seperti berikut:

- Kaunter Dana Wakaf Ilmu UPM (Tunai/Cek/Kad);
- Tabung/Peti Derma di Masjid UPM, di lobi Pusat Islam Universiti, di lobi Bangunan pentadbiran UPM dan di Masjid Jamek Kompleks Pertanian Serdang;
- Kemudahan Perbankan Internet "Clicks Shoppe" (MBB/CIMB/BIMB/RHB/PB/HLB);
- Kemudahan Mesin (ATM/CDM) CIMB Bank;
- Skim Potongan Gaji Staf UPM; dan
- Kemudahan tuntutan E-Claim Staf UPM

*Allahumma Ya Tuhan kami,*

*Berkatilah hidup para hamba-Mu yang telah berwakaf.*

*Luaskanlah rezeki mereka serta sucikanlah harta dan jiwa mereka.*

*Limpahkanlah nikmat iman dan kesihatan yang berpanjangan kepada mereka, dan Kurniakanlah mereka dengan ganjaran yang berkekalan hingga ke hari Akhirat.*

### SKIM WAKAF PILIHAN – DANA WAKAF ILMU UPM

#### ■ Skim Wakaf Umum

Skim ini adalah bersifat Wakaf 'Am bagi mewujudkan infrastruktur jangka panjang yang lestari untuk dimanfaatkan ke dalam bentuk aset kekal atau pulangan simpanan dan pelaburan sebagai sebahagian daripada aktiviti penjanaan hasil.

#### ■ Skim Wakaf Kitab

Skim ini merupakan Wakaf Khas bagi tujuan penerbitan atau pembelian bahan-bahan ilmiah untuk diedarkan di Masjid Universiti dan semua surau Kolej, Fakulti dan Pusat Tanggungjawab (PTJ) dalam kampus.

#### ■ Skim Wakaf Fasiliti

Skim Wakaf Khas Fasiliti ini akan dimanfaatkan sepenuhnya melalui penyediaan pelbagai kelengkapan serta kemudahan untuk ditempatkan di mana-mana premis dalam Universiti bagi aktiviti keilmuan, dakwah dan khidmat komuniti.

#### ■ Skim Wakaf Kenderaan Khas

Skim Wakaf ini diwujudkan bagi memenuhi keperluan pengangkutan dalam Universiti seperti kenderaan khas bagi golongan Orang Kelainan Upaya (OKU), van jenazah, bas pelajar dan sebagainya.

### AGIHAN MANFAAT – DANA WAKAF ILMU UPM

#### ■ Wakaf Pendidikan

- Dermaiswa Asasi** bagi para pelajar Laluan Pantas Pusat Asasi Sains Pertanian UPM yang cemerlang tetapi kurang berkemampuan dari segi kewangan; dan
- Dermaiswa Penyelidikan** bagi membantu para pelajar program Ijazah sarjana muda yang menjalankan kajian ilmiah tahun akhir mereka.

#### ■ Wakaf Penerbitan

- Jualan/Wakaf **Mushaf al-Quran** "Waqf Ibtida" hasil susunan Prof. Madya Dr. Abd Raof bin Tan Sri Hassan dari Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, UPM;
- Jualan/Wakaf **Buku Memoir Radin Umar Radin Sohadi** "Aku dan Amanah-MU" yang diterbitkan oleh Penerbit UPM;
- Jualan/Wakaf Set **Mushaf Qiyam al-Quran** (Waqf & Ibtida) yang diterbitkan oleh Telaga Biru Sdn. Bhd.;
- Jualan/Wakaf **Buku Kenali Rasul Kita Muhammad S.A.W** hasil huraian Ahmad Adnan Fadzil yang diterbitkan oleh Telaga Biru Sdn. Bhd.; dan
- Jualan/Wakaf **Buku Solat Waktu Kritikal** (Panduan Solat Di Luar Kebiasaan) hasil susunan Dr. Haji Ahmad Nasir bin Mohd Yusoff dari Fakulti Ekologi Manusia, UPM bersama Johan Ismail dari Fakulti Sains Pertanian dan Makanan, Kampus JPM Bintulu, Sarawak.